

WORK PRODUCTIVITY AND ACTIVITY IMPAIRMENT QUESTIONNAIRE: BIPOLAR DISORDER  
(WPAI-BD)

Soalan-soalan yang berikut bertanyakan tentang kesan penyakit bipolar (kemurungan manik) anda ke atas keupayaan anda untuk bekerja dan melakukan aktiviti-aktiviti yang biasa. *Sila isi tempat kosong atau bulat satu nombor seperti yang ditunjukkan.*

- 1) Adakah sekarang anda bekerja (bekerja untuk gaji)? \_\_\_\_\_ Tidak \_\_\_\_\_ Ya  
*Jika TIDAK, tandakan "TIDAK" dan terus ke soalan 6.*

Soalan-soalan yang seterusnya merujuk kepada **tujuh hari yang lalu**, tidak termasuk hari ini.

- 2) Sepanjang tujuh hari yang lalu, berapa jamkah yang anda tidak hadir bekerja kerana masalah-masalah yang berkaitan dengan penyakit bipolar anda? *Masukkan jumlah jam anda tidak hadir kerja disebabkan sakit, masa anda masuk kerja lewat, tinggalkan tempat kerja awal, dsbnya, kerana penyakit bipolar. Jangan masukkan masa yang anda tidak dapat hadir kerja kerana anda perlu terlibat dalam kajian ini.*  
\_\_\_\_\_ JAM
- 3) Sepanjang tujuh hari yang lalu, berapa jamkah anda tidak dapat hadir bekerja kerana alasan-alasan yang lain, seperti bercuti, cuti umum, masa pelepasan untuk menyertai kajian ini?  
\_\_\_\_\_ JAM
- 4) Sepanjang tujuh hari yang lalu, berapa jamkah anda sebenarnya bekerja?  
\_\_\_\_\_ JAM *(Jika "0", terus ke soalan 6)*
- 5) Sepanjang tujuh hari yang lalu, sejauh manakah penyakit bipolar menjejaskan produktiviti anda semasa anda sedang bekerja? *Fikirkan tentang hari-hari yang anda terhad dari segi jumlah atau jenis kerja yang anda boleh lakukan, hari-hari yang anda selesaikan kurang daripada apa yang anda inginkan atau hari-hari yang anda tidak dapat lakukan kerja anda dengan sebaik-baiknya seperti biasa. Sekiranya penyakit bipolar anda mempengaruhi kerja anda sedikit sahaja, pilih nombor yang rendah. Pilih nombor yang tinggi sekiranya penyakit bipolar anda mempengaruhi kerja anda dengan banyak.*

Penyakit bipolar  
tidak mempunyai  
kesan ke atas kerja  
saya

0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Penyakit bipolar  
menghalang saya  
sepenuhnya daripada  
bekerja

BULATKAN SATU NOMBOR

- 6) Sepanjang tujuh hari yang lalu, sejauh manakah penyakit bipolar anda menjejaskan keupayaan anda untuk mengerjakan aktiviti-aktiviti harian tetap anda, selain daripada tugas di tempat kerja?  
*Aktiviti-aktiviti tetap yang kami maksudkan ialah aktiviti-aktiviti biasa yang anda lakukan seperti kerja di sekitar rumah, membeli-belah, menjaga kanak-kanak, bersenaman, belajar, dsb. Fikirkan tentang masa-masa yang anda terhad dari segi jumlah atau jenis aktiviti-aktiviti yang anda boleh lakukan dan masa-masa yang anda selesaikan kurang daripada anda inginkan. Sekiranya penyakit bipolar anda mempengaruhi aktiviti-aktiviti anda sedikit sahaja, pilih nombor yang rendah. Pilih nombor yang tinggi sekiranya penyakit bipolar anda mempengaruhi aktiviti-aktiviti anda dengan banyak.*

Penyakit bipolar  
 tidak mempunyai  
 kesan ke atas  
 aktiviti-aktiviti  
 harian saya

0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Penyakit bipolar  
 menghalang saya  
 sepenuhnya daripada  
 melakukan aktiviti-aktiviti  
 harian saya

BULATKAN SATU NOMBOR